

Malu punca lewat kesan kanser

B/HARIAN

29/7/19

MS 69

Keterbukaan jalani saringan servik masih di takuk sama

Oleh Rozdan Mazalan
rozdan@bh.com.my

Kuala Lumpur: Kesedaran masyarakat khususnya wanita bagi menjalani saringan awal penyakit servik masih rendah menyebabkan 80 peratus kes kanser dikesan lewat dan kebanyakannya menemui ajal.

Kempen kesedaran sudah dilakukan kerajaan dan badan bukan kerajaan (NGO) bagi tujuan itu, namun keterbukaan menjalani saringan servik masih ditakuk sama.

Bagi pekerja swasta, Fazlin Az-

ma Mohd Nor, 34 berkata kesedaran melakukan saringan servik timbul selepas mengetahui kakak iparnya menghadapi kanser berkenaan setahun yang lalu.

Katanya, sebagai wanita perasaan takut itu memang ada apabila melihat orang terdekat menderita akibat kanser servik.

"Kakak ipar saya masih belum berkahwin tetapi juga menderita penyakit ini, apatah lagi saya yang sudah berkahwin dan memiliki lima anak turut bimbang sekiranya tidak melakukan sebarang pemeriksaan.

"Saya mengakui memang tahap kesedaran wanita di negara ini terhadap penyakit ini masih rendah dan akan terbuka untuk mengambil berat selepas diri sendiri menghidapinya mahupun orang sekeliling yang rapat dengannya.

"Faktor lain adalah malu. Pada

peringkat awalnya saya turut melalui perkara yang sama malu untuk membuat saringan awal untuk berhadapan dengan doktor, ia termasuk sakit di bahagian alat sulit ketika melakukan pemeriksaan," katanya.

Beliau ditemui pada program Saringan Servik Percuma Anjuran Etiqa dengan kerjasama Removing Obstacles to Servical Screening (ROSE), di sini, semalam.

Majlis dirasmikan Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Wan Azizah Wan Ismail.

Fazlin berkata, bermula tahun ini kaedah baharu yang diperkenalkan Kementerian Kesihatan, iaitu pemeriksaan sendiri boleh dilakukan bagi membantu wanita yang malu.

"Saya tiada masalah dengan kaedah baharu ini kerana selepas diberi taklimat cara penggunaan

nya, kita mampu melakukan dan mengawal sendiri jika sakit dan malu," katanya.

Suri rumah, Khatijah Madsom, 45, berkata kesedaran membuat pemeriksaan timbul selepas beliau mengandungkan anak kedua daripada lima anaknya.

"Ketika melahirkan anak kedua, doktor mendapati ada serpihan uri yang masih tertinggal di dalam perut saya.

"Apabila mendapat nasihat doktor dan risiko yang bakal saya hadapi di kemudian hari, saya terus mengambil berat berkaitan penjagaan servik.

"Alhamdulillah selepas kali pertama membuat saringan servik lima tahun yang lalu, keputusannya adalah negatif dan saya dinasihatkan melakukan saringan dua atau tiga tahun pemeriksaan, manakala bagi wanita yang normal, sekurang-kurangnya perlu

melakukan pemeriksaan dalam masa 10 tahun sekali," katanya.

Pandangan sama dikongsi suri rumah, Rogayah Zainal, 53 yang terbuka untuk melakukan saringan servik disebabkan faktor usia semakin meningkat.

"Umur memainkan peranan penting ke atas kesihatan, semakin berumur segala penyakit mudah dijangkiti.

"Saya pernah melakukan saringan servik tujuh tahun lalu. Walaupun tiada apa-apa masalah, namun disebabkan semakin berusia saya perlu kerap melakukan ujian.

"Apatah lagi sekiranya mendapat tahu ada kempen pemeriksaan percuma. Wanita boleh melakukan ujian servik di hospital swasta tetapi mahal, jadi saya sangat menyokong Kementerian dan NGO memperbanyak lagi kempen saringan percuma di seluruh negara," katanya.